



"GEJALA FITNAH MEMBAWA PUNAH".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	5
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	6
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya serta selamat di dunia dan di akhirat.</p>	7
<p>Mimbar Jumaat pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah bertajuk "GEJALA FITNAH MEMBAWA PUNAH".</p>	8
<p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p> <p>Fitnah merupakan perkara keji yang dikutuk oleh syarak dan salah satu daripada dosa-dosa besar. Dengan itu, pembuat dan penyebar fitnah adalah sekeji-keji manusia. Fitnah bermaksud tuduhan dengan khabar, kisah, ungkapan dan lain-lain yang diadadakan atau dibuat-buat untuk memburukkan atau membencanakan seseorang. Fitnah adalah api, racun dan barah yang boleh mendatangkan pelbagai kemusnahan, kecelakaan dan persengketaan bagi diri, keluarga, negara dan agama.</p>	9
<p>Antara peristiwa besar yang berlaku dalam sejarah Islam berkaitan dengan gejala fitnah ialah Peristiwa Hadisul Ifki iaitu cerita bohong yang dicituskan oleh orang-orang munafik terhadap Saidatina Aisyah R.Anha. Fitnah ini telah tersebar luas dalam kalangan masyarakat dan Allah SWT telah menyediakan kepada mereka azab yang pedih.</p>	10
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 19:</p> <p>إِنَّ الَّذِينَ يُحِبُّونَ أَنْ تَشِيعَ الْفَاحِشَةُ فِي الَّذِينَ ءَامَنُوا لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِي</p>	11

¹ Al-Hujurat : 6.

 الدُّنْيَا وَالْآخِرَةَ ۚ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ	
<p><i>“Sesungguhnya orang-orang yang suka menghebahkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)”.</i></p>	12
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Pada zaman teknologi dunia tanpa sempadan ini segala perkara, peristiwa dan berita mudah disebarkan dengan cepat, meluas dan mudah. Hanya dengan perantaraan media sosial seperti facebook dan Whatsapp, ia dapat disebarkan ke seluruh dunia dalam beberapa saat sahaja. Ditambah dengan sikap tidak mahu ketinggalan maka “berita sensasi” atau “berita panas” terus disebarluaskan dan ditokok tambah tanpa sebarang usul periksa. Hakikat sebenarnya, berita-berita tanpa sebarang pengesahan dan pembuktian adalah fitnah-fitnah yang disebarluaskan.</p>	13
<p>Sikap mudah menerima berita dan menyebarkannya tanpa sebarang kewaspadaan dan usul periksa amat ditegah oleh Islam. Setiap Muslim mesti menyelidiki setiap berita yang diterima supaya tidak terbabat dalam kancah berita berunsur fitnah. Setiap maklumat yang diterima mestilah terlebih dahulu dipastikan kesahihannya. Jika kita tidak mengetahui maka janganlah disebarkan kerana semuanya akan dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT.</p>	14
<p>Firman Allah SWT mengingatkan orang mukmin dalam surah al-Israk ayat 36:</p> <p style="text-align: center;">  وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۚ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا </p>	15
<p><i>“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.</i></p>	16
<p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p> <p>Terdapat nas-nas syarak yang melarang dan mengeji perbuatan menyebarkan fitnah. Antaranya:</p> <p>Pertama: Penabur fitnah adalah orang yang paling keji.</p>	17
<p>Abdul Rahman Bin Ghanmin R.Anhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">  شَرَّارُ عِبَادِ اللَّهِ الْمَشَّاءُونَ بِالنَّمِيمَةِ، الْمُفْرِقُونَ بَيْنَ الْأَحِبَّةِ، الْبَاغُونَ الْبُرَاءَ الْعَنْتَ </p>	18

<p><i>“Sekeji-keji manusia ialah mereka yang berjalan menabur fitnah, mereka yang melagakan di antara insan yang berkasih sayang dan mereka yang mencari-cari kesalahan terhadap orang yang tidak bersalah”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Ahmad).</i></p>	19
<p>Kedua: Penabur fitnah bakal mendapat azab kubur.</p>	20
<p>Hadis daripada Ibnu Abbas R.Anhu bahwa Rasulullah SAW bersabda tentang dua orang yang sedang diazab di dalam kubur yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesungguhnya mereka berdua diazab dan tidaklah mereka berdua diazab disebabkan dosa-dosa besar yang mereka lakukan tetapi disebabkan salah seorang mereka tidak berlindung ketika membuangair kecil dan seorang lagi memecah belahkan masyarakat dengan berjalan menabur fitnah”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	21
<p>Dan dalam hadis yang lain yang diriwayatkan oleh Samurah bin jundub R.Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">وَأَمَّا الرَّجُلُ الَّذِي أَتَيْتَ عَلَيْهِ، يُشْرَسِرُ شِدْقَهُ إِلَى قَفَاهُ، وَمَنْخَرُهُ إِلَى قَفَاهُ، وَعَيْنُهُ إِلَى قَفَاهُ، فَإِنَّهُ الرَّجُلُ يَغْدُو مِنْ بَيْتِهِ، فَيَكْذِبُ الكَذْبَةَ تَبْلُغُ الأفَاقَ</p>	22
<p><i>“Adapun orang yang disiksa dengan penyangkut besi yang menembusi pipi sehingga ke belakang lehernya dan disangkut lubang hidung sehingga menembusi belakang lehernya dan disangkut mata sehingga menembusi batang lehernya ialah kerana kerjanya sejak pagi menyebarkan pembohongan daripada rumahnya sehingga ke seluruh ufuk penjuru dunia”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	23
<p>Ketiga: Penabur fitnah tidak akan masuk Syurga.</p>	24
<p>Sebagaimana diriwayatkan daripada Huzaifah R.Anhu bahawa dia mendengar Nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ</p> <p style="text-align: center;"><i>“Penabur fitnah tidak akan masuk syurga”.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	25
<p>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Sesungguhnya fitnah banyak membawa keburukan terhadap individu, masyarakat dan negara. Fitnah adalah dosa manusia sesama manusia. Allah SWT tidak akan mengampun dosa pembuat dan penyebar fitnah kecuali individu yang difitnah telah memberikan kemaafan. Betapa berat kesan penyebaran fitnah itu kerana ianya boleh mengakibatkan jatuhnya maruah seseorang individu, tokoh atau kumpulan tertentu.</p>	26

<p>Fitnah juga boleh merosakkan persaudaraan, menyebabkan keadaan menjadi kucar-kacir bahkan boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Bermula dengan fitnah, hubungan adik beradik, suami isteri, jiran tetangga dan sebagainya rosak akhirnya hancur bahkan membentuk permusuhan yang berkekalan hingga mengganggu gugat keamanan negara.</p>	27
<p>Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Mengakhiri khutbah yang disampaikan pada hari yang mulia ini mimbar ingin berpesan kepada hadirin Jumaat yang berbahagia agar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap perkataan dan perbuatan kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT pada hari akhirat kelak. 2. Umat Islam dilarang menyebarkan fitnah kerana boleh menimbulkan perpecahan dan perbalahan. 3. Umat Islam hendaklah berwaspada dengan sentiasa menyelidik setiap sebaran berita yang diterima untuk mengelakkan tersebarnya gejala fitnah yang membawa punah. 	28
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p style="text-align: center;">إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَهُمْ</p> <p style="text-align: right;">عَذَابُ الْحَرِيقِ ﴿١٠﴾</p>	29
<p><i>“Sesungguhnya orang-orang yang menimpakan bencana untuk memesonkan orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman, kemudian mereka tidak bertaubat, maka mereka akan beroleh azab neraka jahannam (kerana perbuatan buruk itu), dan mereka akan beroleh lagi azab api yang kuat membakar (kerana mereka tidak bertaubat)”.</i> (al:Buruj : 10).</p>	30
<p style="text-align: center;">بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعِنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ</p> <p style="text-align: center;">وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُو، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	31
<p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ</p> <p style="text-align: right;">إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	32

KHUTBAH KEDUA.33

34	<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>
35	<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>
36	<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa...</p>
37	<p>...Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan...</p>
38	<p>...keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.</p>
39	<p>Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>
40	<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>
41	<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>
42	<p>اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصِرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>
43	<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،</p>
44	<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>

<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ إِنِّيالسُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج</p>	
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	45
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat,...</p>	46
<p>...sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakjikan...</p>	47
<p>...dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini. Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan...</p>	48
<p>...pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia,...</p>	49
<p>...satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana...</p>	50
<p>...dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan...</p>	51
<p>...pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, ...</p>	52
<p>... mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	53
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ اللَّهِ،</p>	54
<p>إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	55
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	56